Jualbeli Emas

06/11/2012

Hukum jualbeli emas secara tertangguh ;

Di dalam Islam, Emas dan Perak seperti yg diketahu adalah barang ribawi. Oleh itu perlu berhati-hati dalam menjalan jualbeli dua barangan ini.

Bagaimana pula hukum jualbeli emas perak secara tertangguh?

Perkataan tertangguh mempunyai beberapa konteks yang difahami oleh masyarakat kita. Iaitu ;

1. Membeli emas secara hutang : tangguh bayaran
2. Membeli emas secara ansuran : bayar bulanan
3. Membeli emas lewat dapat barang : delayed

Pada hukum asal, membeli, menjual dan menukar emas dengan emas, perak dengan perak mestilah dan wajib dari tangan ke tangan dan berlaku serta merta tiada penangguhan serta sama berat timbangannya walaupun lain jenisnya. Tetapi, jika menukar emas

dengan perak boleh lah berbeza timbangannya TETAPI mestilah di dalam 1 majlis iaitu dari tangan ke tangan dan tidak ditangguh penukaran itu. Ini kerana emas dan perak adalah barang ribawi yang sama illah nya yang mana illah nya ialah NILAI. Oleh itu jika menukarkan emas dan perak dengan barang ribawi yang lai seperti gandum, kurma, garam dan barli, tidak mengapalah tertunda atau tertangguh walaupun kedua dua nya barang ribawi. Ini kerana antara kedua barang ribawi ini tidak mempunyai illah riba' yang sama. Emas dan perak illah riba' nya adalah NILAI, manakala gandum, barli, tamar dan garam illah riba' nya adalah makanan atau ukuran. Jadi tidak bermasalah lah jika penukaran itu menggunakan emas atau perak dengan barang ribawi lai , bahkan dengan barang yang bukan ribawi sekali pun.

Bertitik tolak dengan itu, disini adanya persoalan yang mana duit fiat(duit kertas/syiling) adakah ianya termasuk dala barang ribawi seperti emas peran

ATAU bukan barang ribawi seperti yang lainnya. (Contoh ; besi, tembaga, platinum, kangkong, bayam, kertas, tisu dan sbgainya)

Dala hal ini, terdapat perselisihan pendapat antara 2 golongan ulamak atau pu kita katakan ianya masalah khilafiah mazahib.

1. Ulamak yang mengatakan duit fiat ini adalah BUKAN barang ribawi dan bukan matawang atau wang atau alat penukaran, antaranya adalah Imam Nawawi, Hassan Ayyub dan dibawa oleh Syeikh Sulaiman al-Asyqor, mengatakan bahawa, pada zaman dahulu yang mana duit selain emas dan perak ataupun alat penukaran yang mana mempunyai emas atau perak, atau yang disandar dan di ikat nilainya dengan emas dan perak, atau matawang yang mewakili emas dan perak, atau matawang yang membawa nama nilai emas dan perak, maka HUKUM duit, alat tukaran, matawang itu adalah seperti hukum emas dan perak yang mana adanya riba. Maka penukaran 1 dolar

dengan 1 dolar, 1 ringgit dengan 1 ringgit, 1 riyal dengan 1 riyal, wajib dan mestilah di dalam 1 majlis dan tidak boleh bertangguh dan tidak boleh berlebih atau berkurang kerana akan terjatuh di dalam riba. TETAPI para ulamak tersebut menyatakan, bahawa jikalau duit, alat penukaran, dan matawang itu sudah tidak di ikat nilainya, sudah tidak membawa nilai, sudah tidak ada bahagian padanya emas dan perak, MAKA duit, alat tukaran dan matawang ini tidak lagi dikiran hukumnya seperti emas dan perak dan tiada riba'.

Maka, membeli emas dan perak dengan menggunakan matawang ringgit akan menjadikan tukaran emas dengan barang bukan riba yang membolehkan penangguhan, kelewatan, ansuran, dan juga tidak sama nilai serta bukan dalam 1 majlis. Ini lah pandangan mereka. Kerana duit ringgit itu bukan lagi emas atau membawa nilai emas perak atau dikait dan di ikat dengan emas perak.

2. Golongan ulamak yang tetap berpegang dengan dalil yang menyatakan bahawa wang fiat ini masih lagi memegang dan menggantikan tempat emas dan perak sebagai alat tukaran dan matawang antaranya jumhur ulamak muasiroh dan juga fatwa ulamak di kumpulan Ikatan Kumpulan Fiqh Islam dalam Dunia Islam. Dan fatwa ini digunapakai di Malaysia dan dipegang oleh Ulamak Malaysia. TETAPI, jika dikatakan perkara ini adalah masalah khilafiah dan juga bukan Ijmak Soreh yang memberi maksud wajib di ikuti, maka masalah muamalat ini tidak boleh menafikan pendapat yang lain apabila berpegang pada 1 pendapat. Contohnya permasalahan membaca Qunut didalam Solat Subuh. Ada mazhab mengatakan Sunat, ada mazhab tidak mengatakan Sunat. Jadi, mereka yang berpegang dengan pendapat sunat berqunut dalam solat subuh tidak boleh menyuruh mereka yang tidak berpegang qunut itu sunat untuk membuat doa qunut, dan sebaliknya.

Maka, dengan perbincangan di atas, barang siapa yang berpegang dengan pendapat kedua yang menyatakan wang fiat itu masih memegang nilai dan menggantikan tempat emas dan perak kerana DHARURAT, maka tidak boleh lah mereka membeli emas secara tertangguh dan ansuran dan terlewat mendapat barang kerana ia akan jatuh di dalam riba. Dan barang siapa yang berpegang dengan pendapat pertama dengan mengatakan wang fiat bukan dan tidak membawa nilai emas kerana, wang fiat tidak ada nilai tetap dan nilainya ditentukan sesuka hati oleh pemerintah dan bukan milik sepenuhnya pembawa wang fiat itu, maka boleh lah mereka beramal dengan membeli emas secara tangguh, ansuran dan sebagainya. TETAPI diingatkan bahawa adalah HARAM kita sesuka hati berubah rubah pendapat kerana ingin memudahkan nafsu dunia dan juga boleh menimbulkan fitnah. Maka, sesiapa yang berpegang dengan 1 pendapat, hendak lah memahami dan

mempelajari serta beramal sepenuhnya dengan pendapat itu. Dan perkara ini tidak berhenti di sini kerana sesiapa yang beramal dengan pendapat pertama, maka zakat pendapatan, zakat yang berkaitan dengan wang fiat tidak menjadi wajib, dan hanya zakat emas perak sahaja.

Di akhirnya, saya menyimpulkan dan menggabungkan antara dua dalil, bahawa jika pembeli itu individu dan penjual individu adalah tidak patut pembelian itu tertangguh kecuali adanya kepercayaan dan di hadkan kelewatan. Ini kerana ingin mengelakkan dari berlakunya pergaduhan, perselisihan dan hilang kepercayaan antara masyarakat. Tetapi jika pembeli atau penjual atau salah 1 dari mereka itu mewakili pembekal, atau membeli dengan kuantiti yang banyak, atau mempunyai kekangan transaksi matawang, atau adanya syarat dan terma tertentu serta dipersetujui, maka boleh lah ditangguh bayaran pembelian, atau ditangguh penyerahan barang atau di ansuran kan

pembayaran itu. Dengan syarat mestilah adanya rekod dan pembeli mengambil tahu beberapa maklumat tentang penjual seperti nama syarikat, akaunnya, trusted seller nya dan sebagainya untuk mengelakkan penipuan dan perselisihan.

Kaedah feqh menyatakan, "Kesusahan memboleh perkara itu menjadi mudah" membenarkan penangguhan seperti tangguh bayaran kerana susah hendak membawa cash money yang banyak dan transaksi yang terhad, ataupun penangguhan penyerahan barang kerana kilang memerlukan masa untuk proses, boleh diterima pakai dalam masalah ini.

Akhir kata, janganlah mengikut hawa nafsu untuk memudahkan dunia kita dan semoga ALLAH S.W.T memberi hidayah kepada kita dalam hal keduniaan kita.

Komen dan pertanyaan di alu alu kan.